

09 OCT 1997

Ahli Strategi

AHLI STRATEGI DIPERLUKAN UNTUK MENGHADAPI KRISIS SEKARANG

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Malaysia memerlukan ahli strategi yang tidak mudah putus asa memandangkan krisis pasaran saham dan matawang sekarang, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata, kita tidak boleh panik dalam menghadapi keadaan sekarang.

"Kita perlu ingat kita pernah mengharungi krisis yang lebih buruk lagi sebelum ini," kata beliau semasa merasmikan seminar pemikiran strategik anjuran MCA di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan seminar sehari itu yang membentangkan strategi-strategi dan hasil tulisan tiga tokoh terkemuka di zaman dahulu -- Sultan Mehmed II, Chanakya dan Kong Ming.

Dr Ling yang juga presiden MCA berkata, sebelum ini pada 1973 dan 1979, Malaysia menghadapi krisis kerana harga petroleum yang meningkat dan kemelesetan ekonomi pada awal 1980, tetapi setiap kali selepas itu negara muncul lebih kukuh.

Beliau berkata, rakyat Malaysia masih mempunyai banyak lagi untuk dipelajari daripada Dr Mahathir yang banyak membaca dan pemahamannya telah membantu beliau membuat pemikiran strategiknya sendiri.

Dr Ling berkata, di bawah kepimpinan Dr Mahathir, Malaysia menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang mengagumkan sejak 16 tahun lepas dan Dr Mahathir telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian daripada sebuah negara pertanian.

"Kesemua ini telah dicapai melalui perancangan cermat dan pelaksanaan dasar-dasar dengan tegas dan kita boleh berasa bangga Malaysia berada dalam haluan betul untuk mencapai objektifnya," kata beliau.

Dalam memberi penghormatan kepada Dr Mahathir, Dr Ling berkata: "Tuan, dengan anda sebagai pemimpin, dengan minda strategik dan kualiti-kualiti pada anda, dan dengan 20 juta rakyat Malaysia yang berdisiplin yang memberi sokongan penuh kepada usaha-usaha anda, kita yakin, kita sekali lagi akan berjaya. Kita boleh mengatasinya...Malaysia Boleh." -- BERNAMA

MNY RM PR